

PDRM merekodkan laporan kerugian sebanyak RM2.23 bilion dari tahun 2017 hingga Jun 2021

Oleh MOHD HARIS FADLI MOHD FADZIL

KUALA LUMPUR

Kerajaan akan mempertingkatkan lagi kerjasama strategik bersama anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) untuk mengukuhkan lagi agenda keselamatan siber serantau.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, inisiatif dan kolaboratif secara berterusan oleh semua pihak terbabit amat penting serta perlu diperluaskan lagi dalam menghadapi era baharu ancaman siber yang kompleks.

# Tingkat kerjasama perkukuh keselamatan siber serantau

“Ini termasuk agensi dengan wakil daripada sektor swasta termasuk swasta syarikat, sektor perbankan, universiti dan NGO (pertubuhan bukan kerajaan) untuk melaksanakan latihan ujian siber di peringkat kebangsaan.

“Tindakan kerjasama ini sudah pasti akan mengeratkan lagi hubungan antara negara Asia dan memberikan pemahaman yang lebih umum tentang cara mengendalikan serangan siber di rantau Asia Tenggara,” katanya ketika berucap di Majlis Pelancaran Buku *Jenayah Siber di Malaysia: Impak Leluasa Internet* di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini pada Selasa.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN),

Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Mengulas lanjut, beliau berkata, jenayah siber perlu ditangani segera kerana ia memberi impak negatif kepada pertumbuhan ekonomi terutama sektor ekonomi digital negara.

Memetik kandungan buku itu, Hamzah berkata, ancaman siber dan penipuan dalam talian semakin membimbangkan yang menyumbang kepada hampir 70 peratus kes jenayah komersial dilaporkan di negara ini.

“Polis Diraja Malaysia merekodkan laporan kerugian sebanyak RM2.23 bilion dari 2017 hingga Jun 2021.

“Kerajaan akan terus mencaapai kemajuan dalam tadbir urus dan penyelarasan yang menangani keselamatan siber,” tegasnya.



## KESELAMATAN SIBER KEKAL DIBERI PERHATIAN OLEH MALAYSIA

1 Susulan peningkatan mendadak kes yang dilaporkan di negara ini




2 Jumlah kes yang direkodkan meningkat hampir sekali ganda berikutan:



3 Antara faktor peningkatan:

- Banyak ancaman semasa & baru muncul akibat teknologi baharu yang tidak pernah didengar dalam tempoh sedekad lepas
- Landskap keselamatan negara ketika ini berubah lebih pantas



4 Mengikuti perubahan ini adalah antara cabaran terbesar pertahanan & keselamatan negara

### JENAYAH SIBER

